

**CITRA WANITA DALAM NOVEL-NOVEL MELAYU  
DARIPADA PERSPEKTIF PENGARANG WANITA**

**Oleh**

**SITI KHARIAH BINTI MOHD ZUBIR**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2004**

## **DEDIKASI**

Sekalung budi  
sejambak bunga,  
buat kalian ahli keluarga,  
kususun jari yang sepuluh  
tanda ucapan terima kasih,  
perangsang dan sokongan kalian,  
mendorongku menyiapkan tesis ini.

Cetusan rasa  
buat ibu dan ayah yang telah pergi,  
jasamu tetap dikenang.

Sajian kata  
buat suami tercinta,  
kasihmu sewangi mawar merah  
pengorbananmu kusanjung tinggi,  
jasa dan budimu tetap dalam ingatan  
hanya Tuhan saja yang dapat membala.

Segunung harapan  
buat cahaya mataku,  
Ijal,Hana,Liza dan Aziim  
kejayaanku kejayaanmu,  
untuk kalian melangkah kehadapan.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah

**CITRA WANITA DALAM NOVEL-NOVEL MELAYU  
DARIPADA PERSPEKTIF PENGARANG WANITA**

Oleh

**SITI KHARIAH BINTI MOHD ZUBIR**

**Februari 2004**

**Pengerusi : Haji Ramli Bin Isin, Ph. D.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji persoalan citra wanita yang berkaitan dengan sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya yang terdapat dalam lima belas buah novel yang ditulis oleh pengarang wanita. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan empat jenis teori atau pendekatan, iaitu feminism, psikologi, sosiologi dan pendekatan moral. Objektif kajian ini dibahagikan kepada tiga, iaitu untuk menganalisis, mengenal pasti dan memperlihatkan dengan jelas citra wanita yang terdapat dalam novel-novel yang dipilih dari aspek sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya. Kedua, menganalisis watak-watak wanita yang memperjuangkan emansipasi wanita. Ketiga, menerapkan pendekatan moral bagi menganalisis watak-watak wanita yang terdapat dalam novel-novel yang dikaji.

Perbincangan tesis ini pada peringkat awalnya didasarkan kepada penyelidikan yang telah dibuat melalui beberapa sorotan literatur yang lepas tentang pengarang wanita dan hasil karya mereka. Rata-rata didapati bahawa para pengarang wanita ini membawa persoalan emansipasi wanita dan menerapkan nilai-nilai moral kepada watak-watak wanita yang terdapat dalam karya mereka.

Seterusnya, tesis ini menganalisis citra wanita dalam sosiopolitik yang memaparkan gambaran citra berwawasan, berkarisma dan berwibawa yang diperlihatkan oleh pemimpin melalui watak-watak wanita dalam novel-novel yang dikaji. Manakala penganalisisan tentang citra wanita dalam sosioekonomi berdasarkan kepada gambaran empayar perniagaan, inovatif, kreatif dan efisien diguna pakai untuk menggambarkan citra seorang usahawan, guru dan pekerja pejabat yang rajin, bersungguh-sungguh, cekap, amanah dan mengikut peraturan apabila menjalankan tugas.

Kajian ini juga menganalisis citra wanita dalam sosiobudaya yang memperkatakan tentang hubungan wanita dengan aktiviti masyarakat yang berkaitan dengan hak kebebasan, berusaha ke arah kecemerlangan, moral negatif dan tanggungjawab. Daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa persoalan wanita dalam sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya terus wujud dalam masyarakat selagi manusia boleh bernafas dan berada di muka bumi ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor Philosophy

**THE IMAGE OF WOMEN IN MALAY NOVELS  
FROM THE PERSPECTIVE OF FEMALE WRITERS**

By

**SITI KHARIAH BINTI MOHD ZUBIR**

**February 2004**

**Chairman : Haji Ramli Bin Isin, Ph. D.**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

The purpose of this thesis is to explore the image of women from a socio-political, socio-economic and socio-cultural perspective from fifteen novels written by female writers. The study employs four theories namely feminism, psychology, sociology and moral. The objective of this study is divided into three, that is to analyse, identify and clearly portray the images of women from socio-political, socio-economic and socio-cultural situations found specifically in the selected novels. Secondly, to analyze women's characters who fight for women's emancipation. Thirdly, to adopt a moral approach in analysing the characters of a women in the novels studied.

The earlier stage of the discussion is based on previous research done on female writers and their works. Generally, these writers dealt with the issue of female emancipation and instillation of moral values in the women characters found in their works.

In addition, this thesis analyzes the image of women from a sociopolitical perspective, where by the image of female leaders with strong characters are portrayed in the novels. Meanwhile, the analysis of the image of women from a socioeconomic perspective is carried out based on portrayals of business women and women entrepreneurs. Their characters are used to depict images of entrepreneurs, teachers and office workers who are diligent, efficient, systematic, and trustworthy.

This study also analyzes the image of women in their socio-cultural setting which refers to the relationship between women and social activities. This relationship deals with the rights of freedom, perseverance towards excellence, negative moral values and responsibilities. In conclusion, the depiction of the image of women from a socio-political, socio-economic and socio-cultural setting will continue to exist in the society.

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmannirrahim

Syukur kepada Allah kerana dengan keizinanNya tesis ini dapat disiapkan. Adanya tesis ini sebegini rupa, sesungguhnya bukanlah usaha saya sendiri tetapi dengan kerjasama pihak-pihak tertentu. Dalam ruangan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat sehingga tesis ini dapat diselesaikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dr. Haji Ramli Bin Isin selaku pengurus penyelia dari Jabatan Bahasa Melayu, Dr. Haji Hussein Bin Haji Baharuddin juga dari Jabatan Bahasa Melayu dan Prof.Madya Dr.Haji Rosli Bin Talif dari Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang begitu banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan galakan sepanjang masa hingga tesis ini dapat disempurnakan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada responden, iaitu penulis-penulis novel yang dikaji kerana memberikan kerjasama bagi menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang mengenali diri saya dan memberikan dorongan serta perangsang. Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan guru SMK Seri Sepang yang senantiasa memberikan sokongan moral kepada saya.

Rakaman ini ditujukan khas kepada ayah yang telah pergi, jasamu tetap dikenang. Ibu tersayang doamu telah termakbul. Buat suami yang tercinta, pengorbanan, jasa dan budimu tetap dalam ingatan. Kepada cahaya mataku Ijal, Hana, Liza dan Aziim

ambilah ikhtibar daripada kejayaan emak sebagai dorongan dan perangsang untuk maju ke hadapan.

Wassalam.

**SITI KHARIAH BINTI MOHD ZUBIR (GS 02638)**

Program Ph.D. Kesusasteraan Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Siti Khariah Mohd Zubir telah mengadakan peperiksaan akhir pada 18hb Februari 2004 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Citra Wanita dalam Novel-novel Melayu daripada Perspektif Pengarang Wanita” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Hj. Abdul Rahim Marasidi, Ph.D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Samsina Hj. Abdul Rahman, Ph.D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Dato' Mohd Yusof Hasan, Ph.D.**

Profesor  
Pengarah  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Perguruan Sultan Idris  
(Pemeriksa Luar)

---

**MAD NASIR SHAMSUDIN, Ph.D.**

Profesor/Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

**Ramli Bin Isin, Ph. D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Hussein Bin Haji Baharuddin, Ph. D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Rosli Bin Talif, Ph. D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS Ph. D.**

Profesor/Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PENGAKUAN**

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis ini adalah berdasarkan kepada hasil kerja asli saya kecuali untuk petikan dan kutipan yang telah dinyatakan rujukannya dengan jelas. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dikemukakan sebelum ini atau bersama-sama ini untuk mana-mana Ijazah di UPM atau institusi-institusi selain daripada UPM.

---

**SITI KHARIAH MOHD ZUBIR**

Tarikh:

## KANDUNGAN

Halaman

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	x
SENARAI SINGKATAN	xi

## BAB

<b>I PENDAHULUAN</b>	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	4
Kepentingan Kajian	6
Objektif Kajian	8
Batasan Kajian	8
Definisi Konsep	9
Kaedah Kajian	11
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	12
<b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	22
Pengenalan	22
Pendekatan Feminisme	22
Pendekatan Psikologi	27
Pendekatan Sosiologi	31
Pendekatan Moral	35
<b>IV PENGARANG DAN KEPENGARANGAN</b>	38
<b>V CITRA WANITA DALAM NOVEL-NOVEL MELAYU DARIPADA PERSPEKTIF PENGARANG WANITA</b>	69
Citra Wanita Dalam Sosiopolitik	69
Pengenalan	69
Berawasan	71
Berkarisma	95
Berwibawa	105

Citra Wanita Dalam Sosioekonomi	113
Pengenalan	113
Empayar Perniagaan	114
Inovatif	129
Kreatif	135
Efisien	143
Citra Wanita Dalam Sosiobudaya	151
Pengenalan	151
Hak Kebebasan	153
Berusaha Ke Arah Kecemerlangan	162
Moral Negatif	176
Bertanggungjawab	199
<b>VI PENEMUAN DAN KESIMPULAN</b>	219
Penemuan	219
Kesimpulan	230
<b>BIBLIOGRAFI</b>	233
<b>LAMPIRAN</b>	250
<b>BIODATA PENULIS</b>	256